

Fikir untung jangka panjang: PM

Oleh Manja Ismail

B.H. 15 JUL 1992

KUALA TERENGGANU, Selasa — ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~ Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengusaha hotel peranginan memikirkan keuntungan jangka panjang dan masa depan industri pelancongan di negara ini dengan tidak mengenakan bayaran terlalu tinggi kepada pelanggan.

Perdana Menteri berkata, tindakan kebanyakan hotel peranginan mengenakan kadar bayaran tidak setimpal dengan layanan, hanya memberi keuntungan jangka pendek serta menjejaskan hasrat kerajaan menjadikan pelancongan sebagai salah satu industri utama negara.

Dengan memberi contoh sebuah hotel di Langkawi mengenakan bayaran \$1,000 sehari walaupun keselesaiannya tidak setanding dengan hotel bertaraf lima bintang di ibu negara, beliau berkata, jika cara itu diteruskan, industri pelancongan akan mati.

Bagaimanapun, beliau memuji langkah sebuah syarikat yang membina sebuah hotel peranginan 1,200 bilik di Langkawi dengan mengenakan kadar bayaran \$55 sehari walaupun menawarkan kemudahan bertaraf lima bintang.

"Kita mahu kemudahan peranginan yang selesai tetapi tidak mengenakan bayaran terlalu tinggi. Ini boleh dibuat jika ada rancangan jangka panjang dan hasrat mahu mengekalkan industri ini selama-lamanya.

"Kita harus fikir kesejahteraan pelanggan. Kalau dapat layanan baik dan bayaran rendah, mereka akan datang berkali-kali. Walaupun keuntungan tidak terlalu tinggi, ia akan kekal," katanya.

Dr Mahathir berucap merasmikan Primula Kaps Island Village Resort, kira-kira 45 minit perjalanan bot penumpang dari sini hari ini. Hadir sama ialah Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan menteri Kabinet yang akan menghadiri mesyuarat Jemaah Menteri di sini esok.

Hotel peranginan yang dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Terengganu dan dikendalikan oleh Primula Resorts Management Sdn Bhd itu mengenakan kadar bayaran di antara \$140 dan \$280 semalam.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan pelancong, sama ada tempatan atau asing, mahu menginap di tempat yang murah tetapi selesai serta mener-

ima layanan setaraf dengan hotel mewah.

"Walaupun ini sukar dilakukan, ia bukannya mustahil. Tetapi kebanyakan penduduk tempatan yang mengendalikan tempat penginapan peranginan mengenakan bayaran mahal walaupun kemudahan asasnya tidak sempurna.

"Mereka mungkin mendapat keuntungan besar tetapi ia tidak kekal. Pelanggan mereka akan menceritakan kepada rakan atau keluarga bahawa mereka ditipu dengan bayaran tinggi tetapi kemudahan teruk," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan menggalakkan pelancongan dalam negeri kerana tidak mahu rakyat membawa wang ke luar negara dan berusaha menarik pelancong asing untuk menambah pendapatan negara.

Bagaimanapun, katanya, usaha menarik pelancong asing tidak berjaya sehingga kerajaan menubuhkan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, khususnya bagi memajukan bidang berkenaan.

Menurutnya, kerajaan memperuntukkan \$500 juta kepada kementerian itu untuk membuat promosi pelancongan.